

**MoF bantu usahawan muda berniaga, beri peluang jumpa Obama**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 28 , 2013**  
**OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

1Malaysia Entrepreneurs (1MeT) adalah salah satu usaha Putrajaya melalui Kementerian Kewangan (MoF) bagi membantu usahawan muda memula atau mengembangkan perniagaan mereka.

MoF, dalam satu kenyataan hari ini berkata, 1MeT juga adalah program pengukuhan keusahawanan di Malaysia yang dilaksanakan melalui kolaborasi kreatif di kalangan kementerian, jabatan, atau agensi kerajaan berkaitan.

"1MeT juga inisiatif kesembilan di bawah program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam usaha Malaysia mencapai status negara maju dan sejahtera," kata kenyataan itu.

Kumpulan usahawan muda yang menyertai 1MeT juga berpeluang berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama ketika acara pelancaran 1MeT di persidangan 4th Global Entrepreneurship Summit pada 11-12 Oktober 2013 di Kuala Lumpur.

Kenyataan itu berkata, melalui agenda transformasi, adalah menjadi harapan ia dapat menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan rakyat gembira serta sejahtera tanpa dibebani masalah pengangguran, kadar cukai tinggi, kuasa membeli rendah, kemiskinan atau masalah keselamatan.

NBOS juga katanya, adalah antara langkah bersepadu kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat menerusi program transformasi sosial, selain Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Antara tujuan utama inisiatif 1MeT adalah memberi peluang kepada rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk memulakan dan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka sehingga berjaya menggunakan sumber awam dan swasta yang ada.

Selain itu, 1MeT berfungsi untuk menyelaraskan semua program keusahawanan sedia ada yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta secara bersepadu supaya lebih berkesan.

Kementerian mensasarkan 5,000 usahawan belia dari seluruh negara sebagai usaha untuk menggalak dan memberi pendedahan kepada belia mengenai keusahawanan.

"Ia juga untuk mewujudkan jaringan perniagaan lebih luas dan persaingan sihat di kalangan usahawan dalam mengendalikan perniagaan mereka," kata kenyataan itu.

Bagi merealisasikan perkara itu, MoF akan menganjurkan pameran 'boot camp belia' di seluruh negara. – 28 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mof-bantu-usahawan-muda-berniaga-beri-peluang-jumpa-obama>

